

PENGANJUR & KELAYAKAN

1. Peraduan **Hot FM Jom Cuti** (“Peraduan”) dianjurkan oleh Syncrosound Sdn. Bhd. (“Penganjur”) engan kerjasama daripada Sony Malaysia Sdn Bhd dan ianya terbuka kepada semua warga Malaysia yang sudah mencapai usia 18 tahun ke atas pada 15 Jun 2009.
2. Berikut ialah kumpulan peserta yang tidak layak menyertai Peraduan ini;
 - 2.1 Kakitangan tetap dan/atau kakitangan kontrak Penganjur, Max Airplay Sdn Bhd, Syncrosound Studio Sdn Bhd, Radio Wanita Sdn Bhd dan ahli keluarga langsung mereka (“keluarga langsung” bererti pasangan (suami/isteri), pasangan *de facto*, anak kandung atau anak angkat, ibu-bapa dan saudara kandung); dan/atau
 - 2.2 Wakil, kakitangan dan/atau agen periklanan dan/atau pembekal khidmat promosi Penganjur, syarikat-syarikat bersekutunya dan ahli keluarga langsung mereka (“keluarga langsung” pasangan (suami/isteri), pasangan *de facto*, anak kandung atau anak angkat, ibu-bapa dan saudara kandung).

PENYERTAAN DALAM PERADUAN

1. Untuk menyertai Peraduan ini, peserta dikehendaki berbuat yang berikut:
 - Para pendengar (peserta) Hot FM akan menghantar klip video percutian mereka dan memberikan satu (1) slogan (tidak melebihi duapuluh (20) patah perkataan) berkenaan dengan juruhebah yang manakah mereka ingin bercuti bersama sekiranya terpilih sebagai antara tiga pemenang hadiah utama.
 - Klip video tersebut hendaklah mempunyai durasi minima tigapuluh (30) saat dan maksima satu (1) minit sahaja, dengan saiz klip tidak melebihi 5MB.
 - Para pendengar hendaklah menghantar klip video mereka ke www.hotfm.com.my.
 - Seorang peserta hanya layak untuk menghantar satu penyertaan sahaja.
2. Dengan penyertaan-penyertaan video yang telah dibuat oleh para peserta, Hot FM akan melakukan yang berikut:
 - Hot FM akan menyenarai pendekkan lapan (8) klip video sahaja.
 - Setiap penyertaan yang terpilih akan disokong oleh seorang juruhebah Hot FM.
 - Klip-klip video terpilih akan dimuatnaik ke www.hotfm.com.my untuk tujuan pengundian.
 - Di radio: para juruhebah akan cuba untuk memenangi undian ke atas klip-klip video terpilih tersebut yang terhad kepada klip video yang mereka sokong sahaja.
3. Tiga (3) klip video dengan undian tertinggi akan mendapat peluang untuk bercuti dengan juruhebah-juruhebah yang menyokong video-video tersebut sahaja.
4. Pemilihan para pemenang adalah berdasarkan kriteria yang berikut:
 - Kandungan
 - Kreativiti yang dipaparkan
 - Lain-lain kualiti.
5. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:
 - Tiga (3) tempat teratas – satu (1) unit Sony Handycam CX 100 bagi setiap pemenang (bernilai RM2,999.00 setiap satu)

- Lima (5) tempat seterusnya – satu 91) unit Sony Handycam SX 40 (bernilai RM1,399.00 setiap satu)

Pemenang tiga (3) tempat teratas juga akan memenangi hadiah percutian ke destinasi-destinasi berikut (satu destinasi sahajabagi setiap pemenang):

- Bali
- Ho Chi Minh
- Jakarta

TERMA & SYARAT

1. Peraduan ini akan berlangsung di siaran Hot FM pada hari Isnin hingga Jumaat [termasuk cuti umum] mulai 15 Jun 2009 sehingga 31 Julai 2009 (“Tempoh Peraduan”) tertakluk kepada penutupan penerimaan penyertaan pada 10 Julai 2009 (“Tarikh Penutupan”).
2. Penganjur berhak menamatkan atau melanjutkan Tempoh Peraduan tersebut. Semua penyertaan yang diterima selepas Tarikh Penutupan akan ditolak.
3. Rekod Penganjur mengenai undian yang diterima dan pemenang-pemenang adalah muktamad dan mutlak.
4. Penyertaan yang dibuat adalah terikat dengan syarat-syarat dan peraturan Hot FM. Syarat-syarat dan peraturan stesen radio boleh didapati dari laman web Peraduan di www.hotfm.com.my.
5. Pengesahan dan pengumuman pemenang adalah hak Penganjur.
6. Penganjur berhak mengubah hadiah-hadiah tersebut tanpa memberi apa-apa maklumat mengenai perubahan berkenaan. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, produk, kredit atau lain-lain, sebahagian atau sepenuhnya.
7. Dalam segala hal, keputusan Penganjur adalah muktamad dan surat menyurat mengenainya tidak akan dilayan. Hadiah-hadiah akan diterima sebagaimana yang ditawarkan dan tidak boleh diubah oleh para pemenang.
8. Peserta mesti menyimpan klip video asal bagi tujuan pengesahan pemenang dan penebusan hadiah selepas nama pemenang diumumkan oleh Penganjur.
9. Para pemenang akan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kecederaan, kehilangan, kecederaan, tuntutan, kemalangan berikutan penyertaan dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah mereka.
10. Semua hadiah mesti dituntut dalam masa sebulan (1) dari tarikh pengumuman. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan. Penganjur adalah tidak bertanggungjawab terhadap pengambilan hadiah-hadiah oleh para pemenang.
11. Semua kos untuk tuntutan hadiah adalah tanggungjawab tunggal pemenang.
12. Penerimaan hadiah-hadiah tersebut bererti para pemenang mengizinkan penyertaan mereka dalam publisiti yang Penganjur jalankan tentang Peraduan dan untuk menggunakan nama dan/atau gambar pemenang dan/atau video yang bertanding sebagai bahan bagi tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa pampasan atau notis selanjutnya. Para pemenang tidak berhak menuntut sebarang pemilikan atau pampasan dalam apa jua bentuk terhadap bahan tersebut.

13. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta telah bersetuju untuk terikat dengan Kaedah dan Peraturan Hot FM berkenaan dan terma dan syarat yang dikaitkan dengan semua hadiah dan keputusan Penganjur.
14. Penganjur tidak mempunyai kawalan dan tidak bertanggungjawab terhadap masalah teknikal dan kesesakan atas talian (online) yang berhubung kait dengan proses muat naik video atau mana-mana perkara yang boleh berhubung kait dalam proses peraduan ini.
15. Kaedah dan Peraturan Peraduan ini diberikan dalam versi Bahasa Malaysia sahaja.